

World Traveller Care Takaful

**Kembara adalah kepulangan
dengan kenangan,
bukan kebimbangan.**



Kembara adalah Kepulangan dengan Kenangan, Bukan Kebimbangan.

Melihat dan mengenali tempat-tempat baru seringkali menyeronokkan. Namun pengembaraan boleh menimbulkan kesulitan, daripada perjalanan anda dibatalkan sehingga kehilangan bagasi. Jadikan kami teman perjalanan anda dan kami akan melindungi anda di setiap langkah. Anda tidak perlu risau jika kaki terseliuh atau perjalanan ditangguhkan. Dengan kami di sisi anda, anda boleh merasai kenangan baru dan pulang tanpa kebimbangan.

Jaringan Keselamatan Semasa di Luar Negara

World Traveller Care Takaful adalah pelan Takaful perjalanan untuk melindungi anda sekiranya anda menghadapi sebarang musibah yang tidak dijangka semasa mengembara. Ia mempunyai liputan di seluruh dunia dengan 4 pelan dan jenis manfaat yang disediakan untuk pengembara sebagai individu atau bersama keluarga.

Pelan Lawatan Tunggal

Untuk perjalanan tunggal ke destinasi-destinasi percutian impian anda atau untuk tujuan perniagaan, anda boleh memiliki perlindungan jenis ini sama ada anda mengembara di dalam atau di luar negara.

Pelan Lawatan Tahunan

Untuk yang kerap mengembara, anda boleh menjimatkan wang, masa dan kerumitan menyertai pelan Takaful perjalanan setiap kali anda ingin membuat perjalanan. Tiada sebarang had dikenakan ke atas kekerapan perjalanan selagi setiap perjalanan tidak melebihi 90 hari berturut-turut.

Manfaat Utama

Bila-bila masa, Di Mana sahaja

Di mana sahaja, pada bila-bila masa, Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 jam disediakan dengan hanya satu panggilan sahaja.

Perlindungan Komprehensif

World Traveller Care Takaful membolehkan anda memilih untuk mendapatkan perlindungan yang menyeluruh untuk pasangan dan anak-anak anda.

Perlindungan Perubatan

Nikmati faedah yang merangkumi pelbagai keperluan perubatan anda seperti kemasukan hospital, perbelanjaan rawatan dan manfaat penjagaan ihsan. Perlindungan manfaat adalah sehingga RM1,000,000 bergantung kepada pelan yang dipilih.

Kesulitan Perjalanan

Anda tidak perlu bimbang tentang musibah pengembaraan, kerana World Traveller Care Takaful akan memberi pampasan atas perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada sebarang kesulitan seperti pembatalan perjalanan, dan kelewatan perjalanan.

Kehilangan atau Kelewatan Bagasi

Jika bagasi anda tidak tiba atau lewat ke destinasi anda, anda akan dibayar pampasan untuk kesulitan yang dialami.

Kehilangan Dokumen Perjalanan

Nikmati perjalanan secara berterusan walaupun anda kehilangan dokumen kerana World Traveller Care Takaful akan menguruskannya untuk anda. Manfaat ini termasuk perlindungan untuk kehilangan visa, pasport dan tiket perjalananan.

Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal

Sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal, perlindungan sehingga RM500,000 bagi setiap orang dewasa dan RM1,500,000 untuk keluarga akan dibayar.

Perlindungan terhadap Keganasan

Menyediakan perlindungan bagi kecederaan anggota badan, Kematian atau Hilang Upaya Kekal yang dialami dan kerugian atau kerosakan (untuk manfaat berkenaan) akibat daripada kegiatan keganasan di mana Orang Yang Dilindungi tidak terlibat dalam kegiatan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kelayakan

Individu/Dewasa mestilah berumur di antara 18 hingga 70 tahun, warga emas mestilah berumur di antara 71 hingga 80 tahun dan kanak-kanak mestilah berumur sekurang-kurangnya 45 hari dan di bawah 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa.

Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan 24 jam

1. Talian hotline: **03-2161 0270** (Nombor panggilan semula)
2. Beroperasi secara 24/7, perlindungan 365 hari setahun di seluruh dunia.
3. Menyediakan bantuan perjalanan dan perubatan di seluruh dunia dengan lebih daripada 400,000 penyedia perkhidmatan dan mampu bertutur di dalam 40 Bahasa.
4. Bantuan Perjalanan termasuk:
 - Bantuan Kehilangan Bagasi
 - Bantuan Kehilangan Pasport atau Dokumen
 - Penterjemah atau Rujukan Terjemahan
 - Bantuan Maklumat Cuaca
 - Nasihat Pra-perjalanan
 - Jadual Penerbangan, Maklumat dan Tempahan atau Bantuan Penempahan Tiket
5. Bantuan Perubatan termasuk:
 - Rujukan Maklumat Perubatan dan Nasihat 24 jam
 - Tempahan Hotel/Kereta Sewa
 - Pengurusan Kemasukan ke Hospital
 - Perkhidmatan untuk Mengatur Temujanji dengan Doktor Tempatan
 - Pengurusan dan Pembayaran Pendahuluan untuk Lawatan Ihsan
 - Penghantaran ubat-ubatan penting

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai bantuan perjalanan dan perubatan.

Pelan dan Manfaat

Seksyen	Manfaat	Jumlah Dilindungi/Had (RM)			
		Domestik	Antarabangsa		
			Perak	Emas	Platinum
Liabiliti Had Agregat Maksimum ialah RM5,000,000 bagi setiap satu kemalangan/kejadian. Sekiranya jumlah agregat daripada semua manfaat yang akan dibayar di bawah kontrak ini melebihi Had Agregat, manfaat yang perlu dibayar kepada Orang Yang Dilindungi hendaklah dikurangkan mengikut kadar yang akan ditentukan sehingga jumlah semua faedah tidak melebihi Had Agregat Liabiliti.					
A	Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat mana-mana satu kemalangan/kejadian				
	i) Dewasa	50,000	50,000	100,000	500,000
	ii) Kanak-kanak	10,000	10,000	20,000	100,000
	iii) Warga Emas	50,000	50,000	100,000	500,000
	iv) Keluarga (bayaran maksimum bagi setiap Kemalangan di bawah pelan keluarga)	150,000	150,000	300,000	1,500,000
B	Pembayaran balik perbelanjaan berkaitan rawatan perubatan bagi setiap mana-mana satu kemalangan/kejadian, melebihi RM100	Akibat Kemalangan sahaja	Akibat Kemalangan atau Penyakit		
1	Perbelanjaan Berkaitan Perubatan	Sehingga 50,000	Sehingga 300,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000
2	Perbelanjaan Rawatan Susulan	Sehingga 5,000	Sehingga 5,000	Sehingga 10,000	Sehingga 30,000
3	Perbelanjaan Rawatan Alternatif	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 1,000
4	Penjagaan Ihsan - Pembayaran balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan untuk seorang apabila Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital atau meninggal dunia	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 5,000
5	Penjagaan anak/penghantaran pulang anak – Pembayaran balik perbelanjaan tambahan untuk seorang menjaga dan menemani mereka pulang, apabila Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 5,000
6	Pendapatan Harian Hospital/Elaun Kemasukan ke Hospital Tertakluk kepada maksimum bagi setiap orang 20 hari bagi setiap perjalanan, bagi setiap Orang Yang Dilindungi	150 sehari 3,000	150 sehari 3,000	250 sehari 5,000	350 sehari 7,000
C	Kesulitan bagi mana-mana satu kemalangan/kejadian				
1	Pembatalan Perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 20,000	Sehingga 50,000
2	Pemendekan Perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 20,000	Sehingga 50,000

Seksyen	Manfaat	Jumlah Dilindungi/Had (RM)			
		Domestik	Antarabangsa		
			Perak	Emas	Platinum
3	Kelewatan Perjalanan (untuk setiap kelewatan selama 8 jam penuh)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	250 Sehingga 2,000	250 Sehingga 5,000
4	Kelewatan Bagasi (Untuk setiap Orang Yang Dilindungi)	Sehingga 500	Sehingga 500	Sehingga 1,000	Sehingga 2,000
5	Kesulitan Disebabkan oleh Rampasan (untuk setiap kelewatan selama 8 jam penuh)	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	250 Sehingga 500	250 Sehingga 1,000
D	Pembayaran balik untuk kehilangan atau kerosakan bagasi, barangan peribadi, wang peribadi dan/atau dokumen perjalanan Orang Yang Dilindungi, melebihi RM100				
1	Bagasi dan/atau barangan peribadi	Sehingga 1,000	Sehingga 1,000	Sehingga 3,000	Sehingga 5,000
2	Wang Peribadi	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 500	Sehingga 1,000
3	Dokumen Perjalanan	Tidak Dilindungi	Tidak Dilindungi	Sehingga 3,000	Sehingga 5,000
E	Pembayaran balik tuntutan liabiliti peribadi terhadap Orang Yang Dilindungi				
1	Liabiliti Peribadi	Sehingga 200,000	Sehingga 200,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 2,000,000
F	Pembayaran balik untuk kos perkhidmatan kecemasan bagi semua Orang Yang Dilindungi	Akibat Kemalangan sahaja	Akibat Kemalangan dan Penyakit		
1	Pemindahan Perubatan Kecemasan	Sehingga 500,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 1,500,000
2	Penghantaran pulang dan pengebumian jenazah	Sehingga 500,000	Sehingga 500,000	Sehingga 1,000,000	Sehingga 1,500,000

Nota:

- Di bawah Perkhidmatan Kecemasan, manfaat di dalam F1 akan berkuatkuasa sekiranya manfaat Seksyen A atau Seksyen B layak dibayar.
- Di bawah Perkhidmatan Kecemasan, manfaat di dalam F2 akan berkuatkuasa sekiranya manfaat Seksyen A layak dibayar.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi manfaat.



Sumbangan (termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan)

Individu (RM)										
Pelan	Dewasa (18 sehingga 70 tahun)									
	Domestik	Perak			Emas			Platinum		
Jumlah Bil. Hari	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	15.37	16.00	23.50	31.50	28.00	41.00	55.50	42.50	62.00	84.00
6 - 10	17.49	23.00	33.50	45.00	40.50	59.00	80.00	61.00	89.50	121.00
11 - 18	23.32	35.00	51.50	69.00	62.00	91.00	122.50	93.50	137.50	185.50
19 - 30	29.15	42.00	62.00	83.50	74.50	109.50	148.00	112.50	165.50	223.50
Setiap Minggu Tambahan	Tidak Dilindungi	12.50	18.50	25.00	22.00	32.50	44.00	33.50	49.00	66.50
Tahunan	Tidak Dilindungi	119.00	163.50	198.00	211.00	289.50	350.50	319.00	438.00	530.50

Individu										
Pelan	Warga Emas (71 sehingga 80 tahun)									
	Domestik	Perak			Emas			Platinum		
Jumlah Bil. Hari	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	49.29	51.50	75.50	101.50	90.50	133.50	180.00	137.00	201.50	272.00
6 - 10	56.18	74.00	108.50	146.50	130.50	192.00	259.00	197.50	290.50	392.00
11 - 18	75.26	113.00	166.50	224.50	200.50	294.50	397.50	303.00	446.00	601.50
19 - 30	94.34	136.50	200.50	270.50	242.00	355.50	479.50	366.00	538.00	726.00
Setiap Minggu Tambahan	Tidak Dilindungi	40.50	59.50	80.00	71.50	105.00	142.00	108.50	159.00	215.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	386.50	530.00	642.50	685.00	940.00	1,139.00	1,036.50	1,422.50	1,724.50

Kawasan 1: Malaysia; Kawasan 2: Asia; Kawasan 3: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat (AS) dan Kanada; Kawasan 4: Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat (AS) dan Kanada

Individu & Pasangan (RM)										
Pelan	Dewasa (18 sehingga 70 tahun)									
	Domestik	Perak			Emas			Platinum		
Jumlah Bil. Hari	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	26.50	27.50	40.50	55.00	49.00	72.00	97.00	74.00	108.50	146.50
6 - 10	30.21	40.00	58.50	79.00	70.50	103.50	139.50	106.50	156.50	211.00
11 - 18	40.81	61.00	89.50	121.00	108.00	158.50	214.00	163.50	240.00	324.00
19 - 30	50.88	73.50	108.00	146.00	130.50	191.50	258.50	197.00	289.50	391.00
Setiap Minggu Tambahan	Tidak Dilindungi	22.00	32.00	43.50	38.50	57.00	76.50	58.50	86.00	116.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	208.00	285.50	346.00	369.00	506.00	613.50	558.00	766.00	928.50

Keluarga (RM)										
Pelan	Orang yang Dilindungi, pasangan dan anak-anak yang layak									
	Domestik	Perak			Emas			Platinum		
Jumlah Bil. Hari	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4	Kawasan 2	Kawasan 3	Kawasan 4
1 - 5	35.51	36.00	52.50	71.00	65.50	96.00	129.50	100.00	146.50	198.00
6 - 10	40.28	50.00	73.00	99.00	90.50	133.00	179.50	138.50	204.00	275.00
11 - 18	54.06	82.00	120.50	162.50	149.00	219.50	296.00	228.50	336.00	453.50
19 - 30	67.84	115.00	169.00	228.00	209.00	307.50	415.00	320.00	470.50	635.50
Setiap Minggu Tambahan	Tidak Dilindungi	29.50	43.50	58.50	53.50	79.00	106.50	82.00	120.50	163.00
Tahunan	Tidak Dilindungi	261.00	358.00	434.00	475.00	651.50	790.00	727.00	998.00	1209.50

Kawasan 1: Malaysia; Kawasan 2: Asia; Kawasan 3: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat (AS) dan Kanada; Kawasan 4: Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat (AS) dan Kanada

Negara-negara Asia

Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, China, Filipina, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sikkim, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.

Soalan Lazim

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan manfaat sekiranya berlaku kejadian tertentu kepada Orang Yang Dilindungi. Kejadian-kejadian yang tertentu tersebut ialah yang boleh berlaku ketika perjalanan domestik atau antarabangsa, dan termasuk kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan, perbelanjaan perubatan disebabkan kemalangan atau penyakit, pelbagai kesulitan, kehilangan atau kerosakan bagasi dan/atau barangan peribadi, liabiliti peribadi atau perkhidmatan kecemasan.

2. Bolehkah saya menyertai World Traveller Care Takaful untuk keluarga saya?

Ya, anda boleh menyertai Pelan Keluarga World Traveller Care Takaful untuk keluarga anda, merujuk kepada pasangan dan anak-anak yang layak mengembara bersama-sama.

3. Bilakah perlindungan bermula dan tamat untuk setiap perjalanan?

- (i) Perlindungan perjalanan antarabangsa bermula 6 jam sebelum waktu berlepas untuk perjalanan terus yang telah ditempah ke tempat berlepas di Malaysia dan tamat pada mana-mana keadaan berikut yang berlaku terlebih dahulu:
- Enam (6) jam selepas waktu ketibaan yang telah ditempah di destinasi terakhir di Malaysia; atau
 - Sejurus tiba di rumah anda di Malaysia; atau
 - Tamat tempoh Takaful seperti tertera di dalam sijil.
- (ii) Perlindungan perjalanan domestik bermula dari tarikh Takaful berkuatkuasa 12:01 pagi waktu Malaysia dan tamat pada mana-mana yang berikut yang berlaku terlebih dahulu:
- Sejurus tiba di rumah anda di Malaysia; atau
 - Tamat tempoh Takaful 23.59 malam waktu Malaysia seperti tarikh yang tertera di dalam polisi.

4. Apakah tempoh maksimum untuk perjalanan tunggal dan perjalanan tahunan?

Tempoh di bawah "Satu Perjalanan" tidak boleh melebihi:

- Tiga puluh (30) hari berturut-turut untuk perjalanan di dalam Malaysia; atau
- Sembilan puluh (90) hari berturut-turut untuk perjalanan ke dan dalam kawasan perjalanan selain daripada Malaysia dari tarikh permulaan perjalanan tersebut.

Nota: Perjalanan sehala adalah tidak dibenarkan.

5. Apakah cara pembayaran?

Anda boleh memilih untuk membayar tunai, cek atau dengan kad kredit

Nota: Pembayaran melalui cek adalah tertakluk kepada cek mesti disahkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa Sijil.

6. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Sumbangan yang dibayar adalah termasuk 25% komisen dibayar kepada ejen Takaful dan 15% dibayar kepada Perbelanjaan Pengurusan.
- Duti Setem – RM10 (caj tambahan pada Sumbangan).
- 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan untuk pelan domestik sahaja.

7. Bagaimanakah saya menyertai World Traveller Care Takaful?

Anda boleh menghubungi Etiqa di talian **1300 13 8888** untuk membuat temujanji dengan ejen Etiqa kami atau kunjungi cawangan Etiqa terdekat di kawasan anda.

8. Bagaimanakah untuk membuat tuntutan?

Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas apa-apa kejadian yang mungkin melayakkan anda untuk membuat tuntutan di bawah sijil ini. Sila hantar kepada kami dokumen-dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Apa-apa dokumen atau keterangan yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan itu hendaklah disediakan oleh anda atas perbelanjaan anda sendiri. Tuntutan untuk kehilangan wang juga hendaklah

dilaporkan kepada sama ada pihak polis atau yang berkaitan pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa di mana kehilangan berlaku dalam tempoh 24 jam selepas menyedari kehilangan tersebut. Tuntutan bagi kehilangan kiriman wang pos atau cek kembara mesti dilaporkan dengan segera kepada cawangan tempatan atau ejen pihak berkuasa yang mengeluarkannya.

9. Bagaimanakah saya boleh membatalkan Sijil saya?

- Pelan Lawatan Tunggal:
Anda boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis rasmi secara bertulis sebelum permulaan perjalanan. Bayaran balik sepenuhnya akan dibuat.
- Pelan Lawatan Tahunan:
Anda boleh membatalkan Sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis rasmi secara bertulis. Anda layak mendapat bayaran balik bahagian Sumbangan yang berkenaan.

Nota: Tertakluk kepada tiada tuntutan bayaran dibuat sepanjang tempoh Takaful.

10. Adakah terdapat apa-apa caj bagi Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan yang perlu saya bayar?

Caj Perkhidmatan Bantuan Perjalanan dan Perubatan sudah termasuk sebagai sebahagian daripada Sumbangan. Walau bagaimanapun, bagi apa-apa perkhidmatan/caj lain yang tiada di dalam skop yang dinyatakan di dalam Sijil, anda perlu menanggung kos caj dan mereka akan memaklumkan anda mengenai caj dan jumlah sebelum pembayaran dibuat.

11. Apakah pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Pengecualian Am

- Keadaan sedia ada;
- Kecederaan diri yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- Perjalanan udara selain daripada penumpang yang membayar tambang biasa berjadual atau pesawat berlesen yang disewa;
- Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya;
- Peperangan, rusuhan, atau negara-negara atau kawasan-kawasan dengan konflik besar-besaran, atau kuarantin bagi penyakit berjangkit, termasuk Afghanistan, Afrika (selain daripada Afrika Selatan, Botswana, Kenya, Lesotho, Madagascar, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe), Iraq, Iran, Korea Utara, Palestin, Syria atau Ukraine;
- Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti serangan yang diprovokasi; dan
- Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa kerajaan;

Seksyen B (Manfaat Perubatan)

- Eksperimen, penyiasatan, prosedur kosmetik, plastik, yang tidak penting, dan bukan kecemasan;
- Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan;
- Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- Apa – apa keadaan kongenital; dan
- Rawatan yang berkaitan dengan mata dan gigi;

Seksyen C (Manfaat Kesulitan)

- Kelewatan atau pindaan perjalanan yang ditempah oleh penyedia perkhidmatan, yang disebabkan peraturan atau undang-undang kerajaan; dan
- Kelewatan bagasi setelah kembali ke Malaysia;

Seksyen D (Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi)

- Haus dan lusuh, kerosakan mekanikal atau elektrik;al;
- Kegagalan untuk mengambil penjagaan teliti dan munasabah;
- Kehilangan data;
- Dokumen perjalanan, kad kredit, surat hak milik, lesen memandu, kad pengenalan;
- Barang mudah pecah;
- Barangan elektronik, computer riba atau barang kemas yang didaftar masuk;
- Peralatan dan kelengkapan sukan;
- Rampasan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana pihak berkuasa lain; dan
- Penurunan nilai mata wang atau kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana urus niaga yang melibatkan wang;

Seksyen E1 (Liabiliti Peribadi)

- Liabiliti kontraktual, sebagai majikan, atau ahli keluarga;
- Liabiliti yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion;
- Kehilangan atau kerosakan harta, yang dimiliki atau dalam jagaan pekerja, diri sendiri atau ahli keluarga;
- Pemunyaan atau penghuni tanah dan bangunan, selain daripada kediaman yang diduduki sementara;
- Pemilikan atau penggunaan kenderaan darat, udara atau air atau binatang; dan
- Prosiding jenayah kos guaman, ganti rugi yang diberikan oleh mahkamah, atau kerugian bukan wang;

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Nota Penting

1. Konsep Shariah

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep Wakalah, di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am. Sebagai ejen, pengendali Takaful berhak menerima Fi Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi Wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada Sumbangan)
<ul style="list-style-type: none">Komisen dibayar kepada ejen TakafulPerbelanjaan pengurusan	25% 15%
Jumlah Fi Wakalah	40%

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana para peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada Dana Takaful Am bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana Takaful Am, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta dan 50% kepada kami sebagai fi prestasi. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak Peserta.

Nota: Untuk maklumat lanjut mengenai Konsep Shariah, sila rujuk Sijil Takaful.

2. Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

3. Etiqa Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

4. Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta seperti keadaan kesihatan dan umur anda yang tepat. Sila ambil perhatian bahawa anda bertanggungjawab untuk tidak memberi salah nyataan ketika menjawab soalan-soalan dan membuat pendedahan fakta.

5. Sumbangan hendaklah dibayar dengan penuh dan diterima oleh kami sebelum tarikh Takaful berkuatkuasa atau pembaharuan Sijil. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil tidak akan berkuatkuasa serta menjadi tidak sah.

6. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan *infoinsurans* yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

7. Sila pastikan anda membawa bersama Sijil Takaful atau Sijil Perlindungan semasa perjalanan.

8. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini. Untuk maklumat terperinci mengenai manfaat, pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat, sila rujuk kepada Sijil Takaful.



Etiqa Online 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



 www.facebook.com/etiqa

Etiqa Takaful Berhad (266243-D)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank,
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:

eTiQa
Takaful